



IKLAN JAWATAN KOSONG UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (KAMPUS SERDANG)

Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan ini mempelawa calon-calon Warganegara Malaysia yang berkelayakan berdasarkan syarat yang ditetapkan, untuk mengisi jawatan bertaraf **TETAP** :-

JAWATAN 1 : PEGAWAI PERUBATAN GRED UD43/UD47/UD51/UD53

Kumpulan : **Pengurusan dan Profesional**

Jadual Gaji : **RM3,611.00 – RM10,560.00**

SYARAT LANTIKAN

- 1) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - a) (i) Ijazah Sarjana Muda dalam ilmu perubatan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar sementara atau penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia.; atau
 - (ii) Calon yang dilantik di bawah seksyen 12(1)(a)(ii) Akta Perubatan 1971 dan telah memenuhi Peraturan-peraturan Perubatan seperti perenggan 12(1)(aa) serta telah berdaftar sementara dengan Majlis Perubatan Malaysia.

Gaji permulaan lantikan pada Gred UD43 : RM3,611.00

Gaji permulaan lantikan pada Gred UD47 : RM5,211.00

Gaji permulaan lantikan pada Gred UD51 : RM5,860.00

Gaji permulaan lantikan pada Gred UD53 : RM6,182.00

- b) Calon bagi lantikan hendaklah Lulus dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

SYARAT TAMBAHAN UNIVERSITI

- 2) Calon dalam bidang surgeri, urologi yang mempunyai sekurang-kurangnya **tiga (3) tahun** pengalaman bekerja di dalam bidang berkaitan serta berdaftar penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia;
- 3) Calon dalam bidang patologi yang mempunyai sekurang-kurangnya **tiga (3) tahun** pengalaman bekerja di dalam bidang berkaitan;

- 4) Calon dalam bidang mikrobiologi dan parasitologi yang mempunyai sekurang-kurangnya **tiga (3) tahun** pengalaman bekerja di hospital serta calon yang berpengalaman bekerja di makmal mikrobiologi dan parasitologi sekurang-kurangnya **tiga (3) bulan**;
- 5) Calon dalam bidang oftalmologi yang mempunyai sekurang-kurangnya **lima (5) tahun** pengalaman bekerja di dalam bidang berkaitan serta berdaftar penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia;
- 6) Calon dalam bidang pediatrik yang mempunyai sekurang-kurangnya **satu (1) tahun** pengalaman bekerja di dalam bidang berkaitan sebagai Pegawai Perubatan (tidak termasuk tempoh membuat latihan housemanship);
- 7) Calon dalam bidang psikiatri yang mempunyai sekurang-kurangnya **dua (2) tahun** pengalaman bekerja di dalam bidang berkaitan.
- 8) Calon yang mempunyai pengalaman dalam bidang berikut akan diberi keutamaan:
 - a) Surgeri
 - b) Urologi
 - c) Patologi
 - d) Mikrobiologi & Parasitologi Perubatan
 - e) Oftalmologi
 - f) Pediatrik
 - g) Psikiatri
 - h) Otorinolaringologi
 - i) Anestesiologi
 - j) Ortopedik
 - k) Perubatan
 - l) Obstetrik & Ginekologi
 - m) Perubatan Keluarga
 - n) Pengimejan
 - o) Perubatan Nuklear
 - p) Pemulihan Perubatan
 - q) Penyelidikan Klinikal
 - r) Pengurusan Kualiti
 - s) Kecemasan Strok
 - t) Radiologi
 - u) Hematologi-Onkologi

RINGKASAN TUGAS

Surgeri & Urologi

- Bertanggungjawab memeriksa dan merawat pesakit, menguruskan pesakit di wad dan klinik surgeri/urologi. Menjalankan pembedahan dan prosedur di bilik bedah/daycare serta menjalankan tugas atas panggilan (*on-call*).

Patologi

- Menjalankan ujian, interpretasi dan validasi keputusan ujian di makmal patologi, membantu dalam aktiviti pengurusan makmal dan terlibat dalam aktiviti kualiti makmal bagi memastikan keputusan ujian yang dihasilkan adalah tepat serta menjalankan tugas atas panggilan (*on-call*).

Mikrobiologi

- Bidang tugas adalah berkaitan diagnostik mikrobiologi dan parasitologi serta kawalan penyakit berjangkit. Tugas ini merangkumi kawalan kualiti dalam pemprosesan spesimen klinikal, ujian dan laporan makmal mengikut prosedur yang terkini.

Oftalmologi

- Melakukan pembedahan katarak dan boleh menguruskan hal-hal klinikal dan kecemasan mata.

Pediatrik

- Bertanggungjawab memeriksa dan merawat pesakit bayi dan kanak-kanak
- Menguruskan rawatan dan pemeriksaan bayi dan kanak-kanak
- Menyediakan laporan-laporan berkaitan
- Menjalankan tugas-tugas *on call*
- Mengikuti dan mengendalikan program-program Jabatan
- Menyampaikan ceramah-ceramah berkaitan

Pemulihan Perubatan

- Pernah menjalani posting di jabatan rehabilitasi/pemulihan perubatan (tidak wajib tetapi akan mendapat keutamaan).

Tugasan Umum

- Memberikan perkhidmatan dan bertanggungjawab dalam bidang perubatan dan kesihatan dari segi pencegahan diagnostik, perawatan dan pemulihan bagi mengawal dan mempertingkatkan taraf kesihatan warga universiti dan masyarakat setempat.

JAWATAN 2: JURURAWAT GRED U29

Kumpulan : Pelaksana

Jadual Gaji : RM1,797.00 – RM5,753.00

SYARAT LANTIKAN

1) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- a) Diploma dalam bidang kejururawatan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar dengan Lembaga Jururawat Malaysia. (Gaji permulaan: RM1,797.00).
- b) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

PENINGKATAN SECARA LANTIKAN (PSL)

2) Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Jururawat Masyarakat adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara

Lantikan ke jawatan Jururawat Gred U29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- a) mempunyai kelayakan di perenggan 1(a); dan
- b) had umur pelantikan
 - i) Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - ii) Berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - iii) Berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan 60 tahun.

SYARAT TAMBAHAN UNIVERSITI

- 3) Calon hendaklah memiliki Diploma Kejururawatan daripada institusi-institusi latihan Kementerian Kesihatan Malaysia atau swasta yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dengan CGPA sekurang-kurangnya 3.0.
- 4) Telah berdaftar dengan Lembaga Jururawat Malaysia.
- 5) Mempunyai Sijil Amalan Tahunan (*Annual Practice Certificate*) yang terkini.
- 6) Mempunyai sekurang-kurangnya empat (4) tahun pengalaman kerja.
- 7) Berkebolehan bertutur, membaca dan menulis di dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris.
- 8) Keutamaan diberi kepada calon yang memiliki Diploma Lanjutan/ Sijil Pos-Basik dalam bidang: -
 - a) Perawatan Perioperatif
 - i) Sub Kursus: Pembedahan Pediatric
 - ii) Sub Kursus: Pembedahan Kolorektal
 - iii) Sub Kursus: Pembedahan Ortopedik
 - iv) Sub Kursus: Pembedahan Neuro
 - v) Sub Kursus: Pembedahan Urologi
 - vi) Sub Kursus: *Interventional Radiology*
 - b) Perawatan Rapi
 - i) Sub Kursus: Pediatric
 - ii) Sub Kursus: Neuro
 - iii) Sub Kursus: *Intensive Care Technology*
 - c) Perawatan Onkologi
 - i) Sub Kursus: Hematologi-Onkologi
 - d) Perawatan Kesihatan Mental
 - e) Perawatan Gerontologi
 - f) Penjagaan Kecemasan
 - g) Pengkhususan Pediatric
 - h) Perawatan Gastrointestinal Endoscopy
 - i) Rawatan Perianesthesia
 - j) Pengkhususan Urologi
 - k) Perawatan Oftalmik
 - l) Perawatan Otorinolaringologi
 - m) Perawatan Nefrologi

- n) Pengkhususan Neurosains
- o) Penjagaan Dermatologi
- p) Perubatan Sukan
- q) Perawatan Ortopedik
- r) Kawalan Infeksi
- s) Perawatan Neonat
- t) Perawatan Penjagaan Kesihatan Primer
- u) Pengurusan Diabetis
- v) Rehabilitasi
- w) Diploma Lanjutan Kebidanan

RINGKASAN TUGAS

Bertanggungjawab melaksanakan tugas perawatan dan penjagaan pesakit, pendidikan dan promosi kesihatan, pengawalan dan keselamatan pesakit, peralatan dan ubat-ubatan yang digunakan serta tugas-tugas pengurusan, perancangan, latihan dan penyelidikan bagi meningkat dan mengawal mutu perkhidmatan kejururawatan.